

# Pentadbiran adil, demokratik diteruskan

BH 4 JUN 2000

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan akan meneruskan sistem pentadbiran adil dan demokratik dengan memberikan rakyat kebebasan bersuara asalkan mereka tidak mencabul hak orang lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, suara majoriti rakyat didaulatkan walaupun

suara minoriti masih boleh dikemukakan di negara ini.

Berucap menyampaikan tahniah dan ikrar taat setia sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara semalam, beliau bagaimanapun berkata, hak asasi bukanlah untuk bertindak ganas.

“Tiada siapa pun dikecualikan daripada tindakan undang-undang. Rakyat diberi kebebasan bersuara asalkan mereka tidak mencabul hak kebebasan dan hak demokratik orang lain,” tegasnya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak akan tunduk kepada mana-mana negara asing, sebaliknya akan terus

mempertahankan kebebasan negara ini. Dasar luar yang diamalkan Malaysia mencerminkan pegangan negara ini terhadap keadilan dalam aspek hubungan antarabangsa.

“Kita akan menentang segala bentuk ketidakadilan kepada sesiapa saja.

**LIHAT MUKA 2**

## Pentadbiran adil, demokratik diteruskan

DARI MUKA 1

Rusuhan yang berlaku juga tidak akan mempengaruhi dasar kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia kini lebih dihormati dan berpengaruh di kalangan negara maju dan membangun kerana dasar luarnya yang tegas dan berkesan.

Dasar luar itu turut mengeratkan Malaysia dengan negara lain yang ditindas oleh kuasa besar dunia yang sememangnya tidak gemar dengan kebebasan negara lemah yang merdeka.

“Ini menyebabkan negara kita tidak disenangi negara tertentu. Sebagai balasan, pemimpin dan media mereka tidak pernah mengakui pencapaian kita walaupun Malaysia adalah satu-satunya negara berbilang bangsa, agama, budaya dan kaum yang tidak mencatat sebarang keja-

dian rusuhan kaum.

“Mereka juga tidak mengakui kita dapat memulihkan ekonomi tanpa bantuan atau tunjuk ajar mereka atau mahu mengiktiraf Malaysia adalah ter maju antara negara membangun lain,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus membangunkan ekonomi negara seberapa pantas yang mungkin dan ia dapat dilihat apabila tahun lalu ekonomi Malaysia tumbuh 5.6 peratus walaupun ramalan kerajaan hanyalah satu peratus.

Pertumbuhan itu membawa banyak kebaikan apabila semua industri dan perniagaan dapat dipulihkan dengan pendekatan yang digunakan oleh Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).